Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

22 Ogos 2017

KENYATAAN MEDIA
oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

KERJA NAIK TARAF JALAN OLEH JKR: GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 12 JAM DI 6 KAWASAN DI BATU MAUNG DAN TELUK TEMPOYAK PADA 26/8/2017.

- **Tempoh: 9.00 pagi – 9.00 malam Sabtu, 26/8/2017.**
- **Terjejas: Kira-kira 4,500 orang di Batu Maung dan Teluk Tempoyak.**
- **Sebab: Penutupan sebahagian saluran paip bekalan air 900mm untuk memudahkan penyambungan lencongan dua saluran paip di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.**

PULAU PINANG, Selasa (22/8/2017): Sebahagian saluran paip air 900mm sedia ada di sepanjang Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu akan "ditutup" sementara Sabtu ini bagi membolehkan pelencongan saluran paip berkaitan kerja-kerja naik taraf jalan oleh JKR dari Batu Maung sehingga Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dilakukan.

Penutupan saluran paip adalah perlu untuk membolehkan penyambungan 2 paip keluli lembut (MS) di lokasi berikut di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu:

1. Penyambungan 900mm x 900mm berhampiran kilang Ken Keong factory; dan
2. Penyambungan 900mm x 900mm berhampiran restoran Pen Mutiara.

Penutupan itu akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual selama 12 jam, bermula 9.00 pagi hingga 9.00 malam pada hari Sabtu, 26/8/2017, di beberapa kawasan di Batu Maung dan Teluk Tempoyak. Gangguan bekalan ini akan menjejaskan kira-kira 4,500 orang di 6 kawasan berikut:

1	**Southbay Plaza**	**4**	**Limbongan Batu Maung**
2	**Lagenda Southbay**	**5**	**Muzium Perang Batu Maung**
3	**Kawasan Solok Teluk Tempoyak**	**6**	**Kampung Teluk Tempoyak**

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Sila rujuk peta pada 'Appendix A' yang menunjukkan semua kawasan yang terlibat.

Harap maklum bahawa gangguan bekalan air berjadual di Batu Maung dan Teluk Tempoyak ini perlu bagi membolehkan kerja-kerja pelencongan paip air yang berkaitan dengan kerja-kerja menaik taraf jalan JKR yang sedang dilaksanakan. Objektif utama adalah untuk mengalihkan saluran paip dari tapak kerja jalan raya JKR, sekaligus mengurangkan risiko gangguan bekalan air tidak berjadual di kawasan selatan Pulau Pinang.

PBAPP memohon maaf di atas apa-apa kesulitan yang berlaku. Kami menasihati semua pengguna yang terjejas untuk menyimpan air yang mencukupi untuk kegunaan dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam Sabtu, 26/8/2017.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

N

JALAN BATU MAUNG

LEBUHRAYA TUN DR LIM CHONG EU

Point No. 1

Point No. 2

Kawasan
Solok Teluk Tempoyak

Southbay
Plaza

JALAN PERMATANG DAMAR LAUT

Limbongan
Batu Maung

Muzium Perang
Batu Maung

Kampung
Teluk Tempoyak

JALAN TELUK TEMPOYAK

Lagenda
Southbay

Appendix 'A':
SCHEDULED WATER SUPPLY INTERRUPTION AT BATU MAUNG AND TELUK TEMPOYAK FOR JKR ROAD UPGRADING WORKS.
9.00am – 9.00pm, Saturday, 26/8/2017.

Affected Areas